

16 MAY 1997

Mahathir-Kesenian (Bergambar)

HIDUPKAN SEMULA SENIBINA DAN KESENIAN ISLAM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu senibina Islam dan kesenian Islam yang lain yang menjadi lambang kejayaan umat Islam dihidupkan semula dan terus dimajukan.

Senibina Islam merupakan satu daripada kejayaan umat Islam dalam membentuk jenis senibina yang terkenal di seluruh dunia, katanya.

"Kita harus hidupkan semula senibina ini dan kembangkan serta permodenkannya, demikian juga dengan kemahiran seni kerja tangan dan kebolehan dalam bidang sains yang menjadikan orang Islam orang yang berjaya," katanya ketika berucap merasmikan majlis menandatangani perjanjian pembinaan dan majlis pecah tanah Muzium Kesenian Islam Malaysia bersebelahan dengan Pusat Islam di sini.

Dr Mahathir berharap muzium kesenian Islam yang akan dibina itu akan menjadi tempat rujukan bagi umat Islam di negara ini dan luar negara untuk melihat kesenian Islam yang sebenar iaitu kebolehan mereka yang didorong oleh semangat keIslaman mereka.

Muzium yang dianggarkan berharga antara RM30 juta dan RM50 juta itu akan mengumpulkan barangan berbentuk seni Islam dari seluruh pelusuk dunia dan akan menjadi salah sebuah pusat pendidikan, pembaik pulih, penyelidikan dan pembangunan kesenian dan sains Islam.

Ia diilhamkan oleh Dr Mahathir sendiri.

Perdana Menteri berkata, kebolehan umat Islam meningkat dengan begitu pesat apabila mereka memeluk agama itu dan ia dapat dilihat melalui sejarah Islam itu sendiri.

Misalnya di zaman jahiliah, orang-orang Arab begitu mundur sekali, tidak mempunyai kesenian yang boleh dipandang tinggi oleh sesiapa dan mereka dipandang hina sebagai satu bangsa yang mundur.

"Tetapi setelah mereka memeluk agama Islam, mereka bukan sahaja menjadi lebih kuat daripada segi kebolehan ketenteraan dan pentadbiran umpamanya, tetapi juga seni mereka sudah menjadi lebih maju serta berkembang sehingga hari ini dan merupakan satu seni yang terkenal di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, memandangkan agama Islam telah memberi banyak kesan kepada penganutnya, umat Islam harus juga memberi tumpuan kepada seni sebagai satu cara hidup mereka dan muzium yang akan didirikan itu boleh membantu mereka memahami dengan lebih dekat tentang bidang seni bagi umat Islam.

Islam bukan hanya suatu agama tetapi adalah juga satu cara hidup yang merangkumi segala kegiatan dan gerak geri dalam sesuatu masyarakat dan tidak hanya terhad kepada soal ibadat, katanya.

"Kita perlu makan, minum, berpakaian, kita juga perlu kepada kepuasan hati untuk melihat sesuatu yang indah dan sejak Islam berkembang, kesenian Islam juga turut berkembang," katanya.

Sebelum ini apabila disebut seni, ia banyak tertumpu kepada ukiran yang berbentuk tubuh badan manusia dan binatang tetapi Islam melarang ukiran sedemikian kerana kerap kali berlaku orang akan begitu tertarik dengan bentuk ukiran itu sehingga mereka sanggup menyembah apa yang diukir oleh mereka.

"Tetapi banyak lagi bidang seni yang tidak ada larangan, bahkan kita digalakkan untuk memperelokkan alam sekeliling kita. Sebab itu kita dapati dalam Islam banyak juga jenis-jenis seni yang tidak berbentuk ukiran seperti tadi tetapi tertumpu kepada tulisan khat dan sebagainya dan juga banyak lagi benda-benda yang dibuat dengan begitu cantik untuk memenuhi

kehendak manusia kepada keadaan yang lebih indah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kesenian Islam berkembang seiring dengan perkembangan agama Islam dan di mana juga terdapat penganut Islam, mereka mencipta seni yang sesuai dengan ajaran Islam.

"Ada juga pendapat yang mengatakan kita tidak perlu kepada seni tetapi ini adalah pendapat yang cetek kerana memang pun manusia memerlukan kepada kebolehan yang baik dalam apa juga bentuk dan satu daripadanya ialah menggunakan kecekapan tangan dan akal fikiran supaya kita dapat membentuk sesuatu yang cantik," kata beliau.

Perdana Menteri berkata adalah amat penting sekali bagi umat Islam membuktikan bahawa agama Islam tidak melarang mereka daripada menghargai benda-benda yang cantik hasil daripada usaha yang berpandu kepada ajaran Islam.

"Kalau kita tidak menghargainya, dia akan hilang begitu sahaja dan alam kita, dunia kita akan menjadi begitu kosong," katanya.

Dr Mahathir berkata, agama Islam juga membentuk cara hidup bagi umatnya dan cara hidup mereka juga dikelilingi oleh segala-gala yang indah sebagaimana yang terdapat pada orang bukan Islam.

Bezanya ialah dalam Islam ada larangan tertentu tetapi, perkara yang tidak dilarang juga masih banyak yang boleh mereka usahakan, katanya.

Dr Mahathir berterima kasih kepada Yayasan Albukhary kerana membiayai pembinaan muzium kesenian Islam itu.

Muzium seluas 130,000 kaki persegi itu akan dilaksanakan secara penajaan eksklusif oleh Yayasan Albukhary yang dipengerusikan oleh Syed Mokhtar Albukhary.

Ia akan dibina di atas satu penara tinggi yang landai bagi mewujudkan suatu senibina yang monumental di Jalan Lembah Perdana, bertentangan dengan kawasan Masjid Negara dan bersebelahan dengan Pusat Islam. -- BERNAMA

AFY AH PR